


**BAB 6 – PENINGKATAN TAMADUN YUNANI DAN ROM****Halaman 130****Gladiator**

Gladiator merupakan petarung profesional dalam Tamadun Rom yang terlibat dalam pertarungan yang ada kalanya diakhiri dengan kematian. Walau bagaimanapun, terdapat juga petarung yang cedera yang tidak dibunuh dan diampunkan. Acara ini kerap kali diadakan di Colloseum untuk tujuan hiburan dan menjadi kegemaran orang Rom yang meminati aksi-aksi yang dipamerkan oleh golongan petarung ini. Bukti sejarah menunjukkan gladiator telah dimulakan sejak abad ke-3 SM dan kekal sehingga abad ke-4 M.

Pada tahap awal pengenalannya, gladiator merupakan upacara berkaitan dengan pengorbanan yang dilakukan sewaktu pengebumian orang yang ternama di Rom. Gladiator dijadikan acara ulang tahun sebagai memperingati kematian tersebut bagi membolehkan jasa-jasa orang ternama berkenaan terus diingati. Pertarungan pertama yang diketahui berlaku pada tahun 264 SM merupakan sebahagian daripada acara pengebumian orang ternama, iaitu Brutus. Gladiator tidak diteruskan kerana adanya tentangan daripada penganut agama Kristian.



(Sumber: <http://www.dailymail.co.uk/>)

Perkataan gladiator diambil daripada kata gladius atau pedang pendek yang biasanya digunakan oleh tentera Rom. Ini bermakna, gladiator merujuk kepada ‘lelaki yang menggunakan pedang’ dan senjata ini merupakan pilihan utama di kalangan petarung sewaktu beraksi di tengah gelanggang. Terdapat juga senjata lain yang digunakan selain daripada pedang mengikut kelompok gladiator tersebut sepertimana dalam jadual di bawah.

Nama	Jenis Senjata
Hoplomachus	Menggunakan topi besi dan perisai, bertarung menggunakan tombak dan pedang
Laquearis	Tidak memakai baju besi dan bertarung menggunakan tali dan pisau
Murmillo	Menggunakan topi besi, pelindung tangan dan perisai, bertarung menggunakan pedang yang biasanya digunakan oleh anggota tentera
Provocator	Berpakaian seperti seorang anggota tentera Legionari
Retiarius	Dilengkapkan dengan pelindung tangan, bertarung menggunakan senjata tombak mata tiga (trident) dan jala
Samnite	Berpakaian seperti seorang tentera Samnite
Secutor	Menggunakan topi besi dan perisai berbentuk segiempat bujur, bertarung menggunakan pedang
Thraex	Berpakaian seperti pahlawan daripada Thrace yang dilengkapi dengan topi besi, perisai berbentuk empat segi, pelindung kaki, dan bertarung menggunakan pedang pendek.
Sumber: Rupert Matthews, Little Book of Ancient Rome, Surrey: Demand Media Ltd, 2014, hlm. 95.	



“DID GLADIATORS ALWAYS FIGHT TO THE DEATH?”  
[HTTP://WWW.HISTORY.COM.](http://www.history.com)

Status kalangan gladiator dalam tradisi Rom sangat unik kerana meskipun mereka dianggap sebagai lebih rendah daripada warga Rom yang bebas dan merdeka, namun mereka dihormati kerana penglibatan mereka sebagai gladiator. Kalangan gladiator terdiri daripada hamba, tawanan perang mahupun penjenayah atau warga Rom yang mempunyai kesalahan hutang. Pada asasnya, diri gladiator menjadi milik majikan yang bertanggungjawab menyediakan tempat tinggal, makanan, pakaian serta segala keperluan gladiator, termasuklah memberikan latihan dan persiapan sebelum mereka bertarung di gelanggang. Gladiator yang berjaya akan menerima bayaran serta hadiah kemenangan yang diberikan oleh majikan, malah terdapat kalangan gladiator yang berjaya mendapatkan kebebasan dan menjadi warga Rom setelah melalui kemenangan dalam pertarungan. Mereka yang berjaya membebaskan diri akan diberikan token yang diukir dengan namanya.

Semua warga Rom dibenarkan untuk menonton gladiator, namun mereka dasingkan di Colloseum berdasarkan status mereka. Dalam acara-acara tertentu, golongan gladiator terpaksa bertarung dengan haiwan terutamanya singa, harimau dan gajah. Gladiator yang bertarung dengan haiwan liar ini dinamakan sebagai venatores. Selain itu, terdapat juga acara pertandingan lumba kuda (chariot) dan pemenang akan menerima hadiah lumayan.

### **Rujukan**

Rupert Matthews, *Ancient World*, Essex: Miles Kelly Pub., 2007.

\_\_\_\_\_, *Little Book of Ancient Rome*, Sussex: Demand Media, 2014.

*The Truth About History*, London: The Reader's Digest Assoc. Ltd., 2003.

Sivachandralingam Sundara Raja, *Tamadun Rom*, Shah Alam: Karisma Pub., 2008.

Gladiator, <https://www.youtube.com>